



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING BENDAHARI

Bilangan 2 Tahun 2022

PENGECUALIAN DARIPADA MENGGUNAKAN SISTEM FINEPROCUREMENTPLUS DALAM PELAKSANAAN PEROLEHAN UITM

1.0 TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pengecualian daripada menggunakan sistem FinEProcurementPlus dalam pelaksanaan perolehan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sistem FinEProcurementPlus Pejabat Bendahari telah digunakan mulai tahun 2016 dan penambahbaikan ke atas sistem ini masih dilaksanakan dari masa ke semasa.
- 2.2 Pengecualian dari menggunakan fungsi yang telah diwujudkan di sistem FinEProcurementPlus buat masa ini adalah diluluskan oleh Bendahari UiTM bagi perolehan di UiTM Shah Alam dan kampus cawangan. Walau bagaimanapun Pesanan Jabatan melalui sistem FAIS (Financial Accounting Integrated System) akan dijana setelah kaedah perolehan dilaksanakan dengan teratur dan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.
- 2.3 Pejabat Bendahari amat menggalakkan penggunaan sistem ini kerana telah dilengkapi dengan kawalan dalaman dan pematuhan kepada peraturan perolehan. Pada masa yang sama dapat menjana pendapatan melalui bayaran pendaftaran PKI (Public Key Infrastructure) yang dikenakan kepada syarikat-syarikat yang ingin menyertai perolehan UiTM.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Pengecualian automatik daripada menggunakan sistem FinEProcurementPlus bagi menguruskan perolehan UiTM adalah dibenarkan bagi maksud berikut:

- 3.1.1 Kaedah perolehan yang tidak diwujudkan di dalam sistem FinEProcurementPlus (contohnya kaedah perolehan Rundingan Terus, kategori perolehan Kerja, kategori perolehan Perkhidmatan Perunding, kategori perolehan Perkhidmatan Fasiliti, perkhidmatan sewaan perabot asrama dan perkhidmatan sewaan bas).

3.1.2 Perolehan yang menggunakan sumber peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kumpulan Wang Perundingan kerana masih belum tersedia kawalan kod tabung bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).

3.2 Ketua Pejabat Bendahari (rujuk Jadual A) adalah diberikan kuasa untuk meluluskan pengecualian daripada penggunaan sistem FinEProcurementPlus di dalam situasi berikut:

- 3.2.1 Sistem FinEProcurementPlus ditutup atau tidak boleh dicapai melebihi dari 3 hari dan dijangka perolehan tersebut akan lewat diselesaikan setelah sistem dibuka/dicapai semula.
- 3.2.2 Ketua PTJ mengkehendaki bekalan/perkhidmatan/kerja dengan kadar segera seperti kecemasan, sebab-sebab yang munasabah dan lain-lain hal yang tidak dapat dielakkan. (Ketua PTJ perlu bertanggungjawab sekiranya berlaku ketidakpatuhan tatacara perolehan yang dilakukan oleh staf PTJ)
- 3.2.3 Perolehan bekalan bernilai sehingga RM3,000.00 dan perkhidmatan sehingga RM5,000.00 bagi setiap perolehan.
- 3.2.4 Perolehan darurat
- 3.2.5 Perolehan yang mana proses pelawaan tidak dapat dilakukan oleh FineEProcurementPlus kerana bilangan syarikat yang kurang daripada syarat minima yang ditetapkan. Semakan semula kod bidang dan pelawaan kepada negeri yang bersebelahan perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum perolehan secara luar talian (manual) diluluskan.

Jadual A:

| | Kaedah Perolehan | Kampus | Kuasa Melulus |
|---|-------------------|-------------------------------|--|
| 1 | Pembelian Terus | Shah Alam | 1. Ketua Unit Kewangan Zon 2. Ketua Jabatan Pengurusan Kewangan Pembangunan & Fasiliti 3. Ketua Jabatan Akaun Amanah |
| | | Cawangan | Ketua Pejabat Bendahari Cawangan |
| 2 | Sebut Harga Rasmi | Shah Alam | Ketua Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset |
| | | Cawangan | Ketua Pejabat Bendahari Cawangan |
| 3 | Tender | Shah Alam dan Kampus Cawangan | Ketua Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset |

3.3 Perolehan yang dikecualikan dari penggunaan sistem FinEProcurementPlus adalah masih tertakluk kepada kategori dan kaedah perolehan yang berkuatkuasa di mana pelawaan/iklan dilaksanakan secara luar talian (manual) dan pesanan jabatan akan dikeluarkan melalui sistem FAIS.

3.4 Ketua PTJ adalah bertanggungjawab untuk merancang perolehan dengan sebaik mungkin dan menggunakan sistem FinEProcurementPlus sepenuhnya. Walau bagaimanapun Ketua PTJ boleh memohon pengecualian dan perlu bertanggungjawab sepenuhnya sekira perolehan yang diuruskan secara luar talian (manual / tanpa sistem FinEProcurementPlus) ini disalahguna oleh staf PTJ atau tidak diuruskan dengan teratur.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 15 Ogos 2022.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 Ogos 2022.



MAZLAN HASHIM
Bendahari
Universiti Teknologi MARA

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri
Semua Penolong Rektor Kampus UiTM
Semua Ketua Bahagian / Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam
Semua Ketua Pejabat Bendahari UiTM Negeri / Cawangan / Kampus

Bil. Fail : 100-BP(PTA.6/6)
No. Siri : 100-BP(PTA/02/2022)